

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK JUSLIE BIN AJIROL
[LIBARAN]**

TARIKH : 10 NOVEMBER 2016 (KHAMIS)

SOALAN :

YB Datuk Juslie bin Ajirol [Libaran] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pelan jangka panjang bencana telah dilaksanakan bagi mengkoordinasikan agensi-agensi “Mencari dan Menyelamat” di seluruh negara memandangkan negara ini terdedah kepada bencana alam seperti banjir dan tanah runtuh.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di-Pertua,

Mekanisme yang digunakan bagi mengkoordinasi agensi mencari dan menyelamatkan dalam pengurusan bencana adalah menggunakan **Arahan MKN No. 20: Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara.**

Arahan ini menggariskan peranan dan tanggungjawab Agensi Kerajaan, badan berkanun, pihak swasta dan badan-badan sukarela meliputi peringkat **sebelum**, **semasa** dan **selepas** berlaku sesuatu bencana supaya pengemblengan sumber dapat disepadukan bagi mengelakkan pembaziran, konflik serta pertindihan peranan. Bagi melicinkan operasi mencari dan menyelamatkan, Komander Operasi Bencana (Polis Diraja Malaysia) akan melantik Komander Kawalan Hadapan (*Forward Commander*) untuk mengetuai semua operasi mencari dan menyelamatkan di tempat kejadian. Komander Kawalan Hadapan ini hendaklah terdiri daripada mana-mana Komander pasukan Agensi Penyelamat. Tugas Komander Kawalan Hadapan adalah untuk menilai dan melaporkan situasi Bencana kepada Komander Operasi Bencana. Komander Kawalan Hadapan bertanggungjawab kepada Komander Operasi Bencana. Manakala Komander Operasi Bencana bertanggungjawab kepada Pegawai Daerah / Ketua Jajahan selaku pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah. Pegawai Daerah / Ketua Jajahan pula bertanggungjawab kepada Setiausaha Kerajaan Negeri selaku pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri.

Selain daripada itu, Kerajaan juga telah melaksanakan program-program latihan amal dan simulasi bencana bagi memastikan koordinasi antara agensi-agensi penyelamat di seluruh negara terselaraskan dan

dalam masa yang sama meningkatkan kesedaran risiko bencana di peringkat komuniti dan masyarakat. Antara program yang telah dilaksanakan adalah *Tabletop Exercise* Empangan Bakun (TTX Bakun) pada 2-3 Mac 2016 di Daerah Belaga, Sarawak, Program Kesedaran Awam dan *Tabletop Exercise* Bencana Gempa Bumi di Lahad Datu pada 16 April 2016, Program *Tabletop Exercise* dan *Command Post Exercise* Bencana Banjir Zon Pantai Timur di Batalion 8, PGA Pengkalan Chepa, Kelantan pada 1-2 Ogos 2016, Program *Tabletop Exercise* Langkawi pada 7 September 2016, dan yang terkini Program Kesedaran Awam Menghadapi Bencana bertempat di Gua Musang, Kelantan pada 10 Oktober 2016 serta Perasmian Bulan Kesiapsiagaan Nasional 2016 pada 21-23 Oktober 2016 di Kemaman Waterfront, Terengganu.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : **BAGI JAWAB LISAN**

DARIPADA : **TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING
[PENAMPANG]**

TARIKH : **10 NOVEMBER 2016 (KHAMIS)**

SOALAN : **30**

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jika kenaikan "*Passenger Service Charge / Airport Tax*" yang diumumkan oleh Menteri akan dibatalkan atas sebab cukai / caj perkhidmatan tersebut akan membawa kesan negatif kepada industri pelancongan di Sabah dan perkhidmatan penerbangan (*regular travel*) oleh rakyat Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan melalui Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) telah mengkaji kadar baharu *Passenger Service Charge* (PSC). Berdasarkan kajian tersebut, kenaikan kadar siling PSC tidak memberi kesan negatif kepada pertumbuhan trafik di sesebuah negara seperti di Malaysia, Singapura, Thailand dan Hong Kong. Seajar dengan kajian tersebut, Kerajaan telah bersetuju dengan kadar baharu PSC untuk dilaksanakan mulai 1 Januari 2017.

Untuk makluman jua, kadar baharu PSC ini masih terendah berbanding negara-negara serantau yang lain.